



Yakult (M) Sdn. Bhd. (163559-K)  
Jalan Jururancang U1/21,  
Seksyen U1, Hicom Glenmarie Industrial Park,  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-55698960 Fax: 03-55698961

---

## **Siaran Akhbar**

### **MENITI USIA EMAS, SIHAT DAN SEJAHTERA! PROGRAM KOMUNITI UNTUK WARGA EMAS**

*Seremban, May 2026* – Yakult (Malaysia) Sdn.Bhd. dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) MyAgeing Seremban telah menganjurkan program komuniti bertajuk “Meniti Usia Emas, Sihat dan Sejahtera!” di Kilang Yakult Seremban bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan probiotik untuk penjagaan fungsi usus serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan golongan berusia yang lebih berisiko terhadap pelbagai masalah kesihatan.

Program ini telah disertai oleh kira-kira 100 individu berusia 50 tahun ke atas serta ahli komuniti setempat. Para peserta berpeluang menyertai pelbagai aktiviti kesihatan yang interaktif, termasuk sesi senaman ringan, ceramah pemakanan, serta saringan kesihatan asas.

“Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Yakult dalam mempromosikan penjagaan kesihatan berasaskan pencegahan serta memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kesihatan usus,” kata Mazlyn Mena, Pengarah Bersekutu Jabatan Perhubungan Awam dan Sains, Yakult Malaysia

#### **Imbasan Program:**

1. Sesi Senaman Ba Duan Jin yang membantu meningkatkan fleksibiliti dan kesejahteraan tubuh badan.
2. Sesi "Chair Exercise" (Pencegahan Risiko Jatuh) yang memberi fokus kepada latihan keseimbangan dan pengukuhan otot bagi meningkatkan mobiliti golongan berusia.
3. Ceramah Pemakanan & Aktiviti "DIY Healthy Sandwich" oleh pakar dietetik dari KPJ Hospital Seremban.
4. Saringan Kesihatan Asas Percuma, termasuk pemeriksaan BMI, tekanan darah, paras gula dan kolesterol.
5. Lawatan Kilang Yakult Seremban bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai proses pengeluaran minuman probiotik Yakult.



Yakult (M) Sdn. Bhd. (163559-K)  
Jalan Jururancang U1/21,  
Seksyen U1, Hicom Glenmarie Industrial Park,  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-55698960 Fax: 03-55698961

---

Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini sejajar dengan falsafah Yakult yang berasaskan pencegahan adalah lebih baik daripada mengubati, di samping menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat secara berterusan.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti Yakult, sila layari sesawang Yakult di [www.yakult.com.my](http://www.yakult.com.my)

---

Hubungi Media: Ms. Liew Wan Hui | Nombor Telefon: 016-6882361 | E-mel: [wanhui@yakult.com.my](mailto:wanhui@yakult.com.my). Siaran Media boleh dijumpai di pusat media kami di pautan berikut: <https://yakult.com.my/press-centre/>

